



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جهاز شؤون الدين والاعمال الإسلامية صباح

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

01 ZULKAEDAH 1445H/ 10 MEI 2024M

BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Kementerian Belia dan Sukan

(Sempena Hari Belia 2024)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

فَمَا آمَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ
وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾ (يونس : 83)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Terlebih dahulu khatib ingin berpesan kepada saudara sekalian dan diri khatib sendiri, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan takwa yang sebenar-benarnya. Seterusnya khatib menyeru agar kita terus mengekalkan momentum istiqamah dengan tekun mengimarahkan masjid. Mimbar pada minggu ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran telah merakamkan kisah bagaimana tingginya keyakinan satu golongan kecil daripada kaum muda yang beriman kepada Allah dan Nabi Musa AS dalam surah Yunus Ayat 83 yang **bermaksud**: *“Maka tidaklah ada yang beriman kepada Nabi Musa melainkan sebilangan kecil dari keturunan kaumnya, itupun dalam keadaan takut kepada Firaun dan*

ketua-ketua kaum mereka yang telah menyiksa mereka; kerana sesungguhnya Firaun bermaharajalela di bumi, dan sebenarnya ia dari orang-orang yang melampaui batas”.

Beberapa kisah keyakinan dan keimanan anak muda kepada Allah SWT turut dirakamkan Al-Quran seperti dalam surah al-Kahfi ayat 13:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *“Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk”.*

SAUDARA YANG DIMULIAKAN ALLAH!

Malaysia pada hari ini, menghimpunkan golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dengan anggaran lebih daripada 9,600,000 (Sembilan juta enam ratus ribu) yang mewakili 29% daripada populasi di Malaysia. Tidak dapat dinafikan, belia merupakan aset utama sebuah negara. Mereka adalah bakal mewarisi masa depan yang akan menerajui dan membawa harapan untuk mengagungkan Syiar Islam sejajar dengan kemajuan dan kecemerlangan negara.

Di Malaysia, tarikh 15 Mei setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Belia Negara yang mengiktiraf golongan belia di atas sumbangan dan peranan mereka dalam pembangunan negara. Dengan tema **“Yakin Boleh”**, Hari Belia Negara 2024 terus memperkasakan peranan belia dalam semua bidang dalam membentuk visi serta masa depan negara. **“Yakin Boleh”** membawa konotasi kepada keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Kerajaan juga

menaruh keyakinan dan harapan yang tinggi kepada golongan belia sama ada dari sudut kepimpinan, korporat, kesukarelawan dan sebagainya.

Sejarah tamadun Islam membuktikan bahawa keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT dan Rasulnya terpahat dalam kalangan anak muda seperti Saidina Umar bin Al-Khattab, Ali bin Abi Talib, Jaafar bin Abi Talib, Qudamah bin Mazh'un dan Abdullah bin Mas'ud. Mereka bukan sahaja di antara sahabat-sahabat Nabi SAW yang mula-mula beriman, malah turut diberi kepercayaan sebagai barisan hadapan dalam menjulang panji-panji Islam. Ramai lagi dalam kalangan sahabat Nabi SAW yang menyumbang pada kegemilangan Islam seperti Abd Rahman bin Auf, Usama bin Zaid dan sebagainya. Ketokohan para sahabat dalam usia belia dengan berkeyakinan dan berpegang teguh pada keimanan telah membawa kepada kegemilangan Islam. Inilah pengajaran dan tokoh anak muda yang wajib dicontohi oleh belia masa kini. Iman yang teguh dengan prinsip Islam menjadi teras utama dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasulullah SAW telah bersabda dalam hadisnya yang **bermaksud**: *“Setiap bayi yang lahir, dilahirkan di atas fitrah, maka kedua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, Majusi atau Nasrani.”* (HR Muslim no: 2658)

Belia merupakan aset berharga kepada sesebuah negara dimana ia boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Antara asas pembangunan modal insan adalah ilmu dan akhlak. Generasi muda harus tekun menuntut dan mendalami ilmu dan kemahiran daripada pelbagai bidang. Generasi

muda juga perlu memahami tanggungjawab mereka dalam memelihara nilai-nilai agama, moral, dan etika serta amanah dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan. Al-Quran dalam surah Al-Qasas ayat 26 menukilkan kisah bagaimana ciri-ciri seseorang modal insan yang perlu untuk diangkat sama ada sebagai pemimpin mahupun pekerja.

قَالَتِ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata; “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita). Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Kuat sinonim dengan istilah kompeten. Ianya membawa maksud kuat dari segi fizikal, mental, emosi serta segala kemahiran (skills) yang diperlukan. Manakala amanah adalah membawa maksud integriti. Kedua-dua ciri ini wajib diterapkan dalam setiap individu belia di Malaysia.

Belia sebagai aset negara kini dan masa hadapan perlu disantuni dan digilap sebagai pewaris kepada pembangunan negara. Di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Pengukuhan Pembangunan Belia Positif (PYD) adalah satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada. PYD yang menerapkan ciri-ciri **8C** yang perlu ada dalam diri belia yang maju dan seimbang dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan, iaitu **(1) caring** (kasih sayang), **(2) Competent** (Cekap), **(3) Character** (Perwatakan Unggul), **(4) Confident** (Yakin Diri), **(5) Cooperation** (Kerjasama), **(6) Considerate** (Bertimbang rasa), **(7) Competitive** (Berdaya Saing) dan **(8) Contribution** (Menyumbang kepada kemajuan Negara).

Setiap anak muda ada potensi yang pasti boleh diserlahkan untuk kebaikan ummah & negara. Sebagai masyarakat yang bersatu padu, marilah kita bersama-sama mendukung, membimbing, dan memberikan peluang kepada generasi muda untuk berkembang dan berjaya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menyimpul khutbah kali ini, beberapa perkara yang perlu diberi perhatian daripada intipati khutbah yang disampaikan pada hari ini:

Pertama: Tamadun Islam membuktikan bagaimana anak muda mempunyai keyakinan dan keimanan yang tinggi dalam mematuhi segala perintah Allah dan Rasul-Rasulnya.

Kedua: Pengiktirafan khusus kepada Belia di Malaysia diangkat melalui Hari Belia Negara pada tarikh 15 Mei setiap tahun. “**Yakin Boleh**” membuktikan keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran.

Ketiga: Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Belia perlu disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai intelegnya serta diperkaya modal budayanya.

Generasi muda mempunyai peranan khusus dalam menghadapi pelbagai cabaran moden, seperti teknologi dan perubahan sosial. Maka generasi muda perlu dipupuk dengan nilai-nilai murni seperti kesederhanaan, kejujuran, dan keadilan agar mereka berjaya menghadapi apa pun cabaran yang akan datang.

Ingatlah pesanan Allah SWT di dalam ayat Al-Quran dalam surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ
ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.